

26/11/2000

Seluruh dunia memerhatikan Lunas

M Thillinadan

RABU ini, 26,746 pengundi berdaftar di Lunas akan menentukan siapa pilihan mereka untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan itu.

Walaupun pilihan raya kecil itu kelihatan seperti pilihan raya kecil lain, implikasi kalah menang kepada sesuatu parti boleh memberi kesan kepada senario politik Malaysia.

Lunas, pekan kecil di sempadan Kedah dan Pulau Pinang dengan kira-kira 40,000 penduduk kini menjadi fokus seluruh negara, malah beberapa negara asing. Wartawan mewakili pelbagai pertubuhan dan agensi berita antarabangsa turut datang membuat liputan.

Sebuah pekan yang selama ini sunyi, kini dibangkitkan dengan kemeriahan kempen parti politik. Beratus kempen diadakan di setiap pelusuk pekan ini setiap hari. Jalan raya kelihatan baru diturap tar, taman perumahan aktif dengan ceramah parti politik.

Ini kali kedua dalam sejarah selepas negara merdeka, Lunas diberi publisiti sebegitu meluas. Kawasan itu pernah menjadi tajuk utama berita akhbar, radio dan TV tanah air untuk selama beberapa hari pada awal 1981. Ia berikutan kematian 32 orang penduduknya yang kebanyakannya pekerja estet getah selepas meminum samsu haram. Selain kematian itu, 49 lagi dimasukkan ke hospital, dengan lima daripadanya dipercayai buta kerana punca yang sama.

Tragedi itu menjadi kayu pengukur kemiskinan mutlak penduduk Lunas ketika itu. Kerana tiada kemampuan kewangan, penagih arak golongan "termiskin" itu terpaksa memilih samsu murah walaupun mereka tahu ia boleh membunuh.

Bagaimanapun, tragedi itu menjadi sejarah untuk iktibar generasi baru. Rata-rata penduduk Lunas kini tidak lagi dibelenggu kemiskinan mutlak seperti yang dialami pada 1981 atau tahun-tahun sebelumnya.

Kini, rezeki ada di mana-mana di Lunas, kalau tidak masakan begitu ramai sekali orang luar bertumpu ke pekan itu untuk mencari pekerjaan, hingga ada yang datang dari Perak atau Kelantan.

Walaupun pada asalnya ia hanya pekan terpinggir dan serba mundur, kemunculan pelbagai peluang pekerjaan, khususnya di bidang perindustrian, di kawasan sekitarnya sejak kebelakangan ini benar-benar mengubah wajah Lunas.

Kali ini, Lunas akan menentukan sama ada Barisan Nasional (BN) terus menguasai dua pertiga majoriti dalam Dewan Undangan Negeri Kedah atau buat kali pertama gagal. Ini satu perhitungan besar jika diambil kira Kedah juga negeri asal Perdana Menteri.

Lunas juga akan menentukan sama ada "kahwin muta'ah" seperti yang disebut akhbar tabloid antara DAP dengan Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia, berakhir selepas retak sejak penamaan calon pada 21 November lalu.

Pilihan raya kecil ini juga akan menentukan sama ada orang Melayu sudah bersatu semula selepas setahun berpecah ketika pilihan raya umum 1999, selain menguji kekuatan Umno sebagai satu-satu parti perjuangan Melayu.

Turut diuji dalam pilihan raya ini ialah isu calon, murtad, Sekolah Wawasan, tuntutan 17 perkara Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) dan tuduhan kroni serta penyalahgunaan kuasa serta isu royalti minyak.

Jadi jelas, parti yang menang dalam pilihan raya kecil ini juga memenangi hati rakyat dengan isu mereka.

Lunas dalam bahasa Melayu bermaksud "menyelesaikan hutang". Persoalan kali ini hutang apa dan siapa hutang siapa.

Barisan Nasional (BN) berkempen penduduk Lunas berhutang dengan mereka kerana sudah membawa pembangunan pesat ke kawasan itu termasuk pembukaan Kawasan Perindustrian Kulim dan Taman Teknologi Tinggi Kulim yang secara langsung menjadikannya antara kawasan paling maju di negeri Kedah. Pembukaan kawasan perindustrian itu sudah membuka peluang kerja kepada 30,000 orang.

Apabila Taman Teknologi Kulim siap, Lunas akan menjadi bandar metropolitan kerana ia akan menjadi pusat penempatan rakyat pelbagai bangsa dan negara.

BN mahu rakyat membalas hutang mereka kepada parti yang selama ini berjuang membangun dan menjaga kebajikan mereka dan anak cucu mereka, sama ada dari segi kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan mahupun pendidikan, kesihatan dan kemajuan bangsa.

Calon Keadilan, Saifudin Nasution Ismail berkata dia sudah lunaskan hutangnya dengan meninggalkan Umno selepas menyertai Pemuda Umno, menggagalkan satu persidangan pertubuhan bukan kerajaan mengenai isu Timor di Kuala Lumpur, tiga tahun lalu.

Sementara itu, parti pembangkang yang diketuai Keadilan pula mahu pengundi Lunas menidakkan majoriti dua pertiga BN dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Mereka berkempen meminta penduduk Lunas mencipta sejarah kononnya untuk memalukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan menafikan majoriti dua pertiga di negeri asalnya.

Mereka mahu berita kekalahan BN di negeri asal Perdana Menteri disebarkan secara meluas. Kempen mereka setakat ini hanya berkisar kepada Perdana Menteri dan perkauman.

Oleh kerana itulah mereka dilihat sanggup mengorbankan perpaduan orang Melayu dan pakatan dalam pembangkang untuk mencapai cita-cita memburuk-burukkan Malaysia di negara asing.

Malangnya, dalam keghairahan mereka kononnya memalukan kerajaan dan menghancurkan ekonomi negara, mereka sebenarnya memecah-belahkan masyarakat Malaysia, khususnya Melayu yang satu ketika dulu hidup aman, saling menghormati, apa lagi menderhaka kepada negara sendiri.

Kini, seluruh dunia memerhatikan Lunas dengan harapan Keadilan menang supaya mereka dapat mentertawakan pemimpin kita dan meraikan kejayaan memecah-belahkan penduduk Melayu, yang pada satu ketika dulu tunjang kepada kerajaan yang kuat di Malaysia.

Kekuatan dan penyatuan Melayu menentang Malayan Union, diikuti suara mereka meminta hak ekonomi selepas peristiwa 1969 sehingga membawa kepada penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) semakin hari semakin hilang. Perpecahan Melayu memberi kepada pihak lain membuat tuntutan keterlaluan kepada kerajaan seolah-olah mengugut seperti Suqiu.

Jika orang Melayu tidak bersatu atau menyokong kerajaan maka sudah tentu satu hari nanti kerajaan mungkin terpaksa memenuhi permintaan kumpulan tertentu walaupun nampak keterlaluan, untuk terus berkuasa. Ketika itu, orang Melayu sudah tidak boleh menyalahkan kerajaan yang mereka sendiri cuba tumbangkan.

Peringatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada pengundi Melayu di Lunas, pembangkang yang bersekongkol dengan Amerika Syarikat mungkin "menjual" Malaysia dan maruah rakyatnya kepada kuasa asing perlu direnungi.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan mereka sebagai petualang bangsa yang sedia berbuat apa saja untuk mencapai cita-cita mereka.

Beliau mengajak rakyat merenungi perjuangan sebenar Keadilan iaitu untuk memenuhi agenda musuh bangsa dan negara kerana ini diakui sendiri Ketua

Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor.

Cerita Lunas sama seperti gajah sama gajah lawan, semut mati di tengah - parti politik berentap tetapi akhirnya yang "mati" adalah rakyat yang kini jelas sudah berpecah belah manakala yang menang sudah tentu kuasa asing yang sudah lama cemburu dan iri hati dengan pencapaian Malaysia.

Rabu ini, 19 pusat mengundi yang mempunyai 12,102 pengundi Melayu, 9,212 (Cina) dan 5,413 (India) akan menentukan kesinambungan kerajaan pimpinan BN atau perubahan.

Setakat ini, berdasarkan maklum balas yang diterima, pertarungan adalah sengit walaupun kebanyakan pihak memberi sedikit kelebihan kepada BN. MIC yakin 90 peratus pengundi India akan memilih calon BN, manakala pengundi Melayu didapati berpecah hampir 50:50. Kuasa menentu kemenangan calon kini terletak pada pengundi Cina.

Walaupun, diramalkan majoriti pengundi Cina akan memilih BN kerana rasa tertipu dengan DAP yang menyerah diri kepada Keadilan dan juga mereka membenci Pas yang didakwa parti fanatik Islam, BN tidak boleh mendabik dada.

Sebahagian besar pengundi Cina masih disifatkan pengundi atas pagar dan usaha di saat-saat akhir boleh membantu mereka menentukan pemilihan sama ada parti kerajaan atau pembangkang.

(END)